

'Hentikan pandangan serong terhadap HIV'

10.11 M/S 7 20/01/07

Pembawa virus lebih rela sembunyikan penyakit kerana takut dipulau masyarakat

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof

SEKITAR 80-an dulu, kes HIV/Aids terlalu asing pada pendengaran kita, namun hari ini jumlahnya semakin meningkat mencecah ribuan kes. Walaupun jumlah itu semakin banyak, stigma masyarakat terhadapnya masih rendah.

Menafikan diri akan hidup dengan HIV/Aids selain tidak mengetahui mengenai penyebarannya secara khusus antara sebab utama menjadikan bilangan penghidap semakin bertambah dan tidak mustahil akan berterusan begitu andai tiada jalan menangani diambil.

Penyakit yang selalunya 'dicop' menakutkan dan menggelikan, selain menimbulkan rasa malu keluarga dan penghidap itu sendiri apabila masyarakat sekitar memulaukan mereka menyebabkan pesakit lebih rela menanggung derita sendirian, mengunci mulut, sedangkan penyakit lain yang membawa maut seperti selesema burung yang tidak kurang bahaya 'dimuliakan'.

Walaupun ada mengaitkan HIV/Aids dengan moral, bagaimana insan lain atau kanak-kanak yang tidak berdosa tetapi dijangkiti. Atau bagaimana mereka yang melakukan hubungan seksual dengan kanak-kanak bawah umur akibat kepercayaan untuk mengubati Aids. Begitu juga bagaimana nasib wanita yang dijangkiti menerusi suami yang dipercayai atau menerusi hubungan seksual tanpa rela?

Ekoran daripada stigma berkenaan, pesakit lebih rela berselindung terhadap penyakit dihidapi kerana bimbang apabila diketahui umum, tiada siapa yang sudi menerima selain dihina menyebabkan mereka lebih rela mati daripada menyatakan kebenaran atau status sebenar kesihatan.

Pengarah Urusan The Body Shop, Datin Mina Cheah Foong, berkata selagi orang ramai mempunyai stigma berkenaan, sukar mengurangkan bilangan mereka yang hidup dengan HIV/Aids apabila ramai beranggapan 'mustahil' saya dijangkiti vitrus itu.

Hakikatnya, bilangan yang



BANTU: Mina dan Colby Miller bersama haruman unit terhad.

“Sudah sampai masanya kita ambil tahu dan ubah stigma bahawa HIV/Aids amat sukar berjangkit. Usaha kita sepatutnya menangani ia daripada terus merebak”

Mina Cheah Foong
Pengarah Urusan The Body Shop

bertambah itu banyak dikaitkan dengan suami yang mempunyai hubungan luar. Malangnya, apabila isteri yang tidak tahu status suami dijangkiti dan hamil, anak dalam kandungan juga berisiko dijangkiti penyakit itu. Ada juga golongan muda yang tidak pasti mengenai penyakit berkenaan, melakukan hubungan tanpa menggunakan perlindungan.

“Statistik mendapati secara purata 19 orang dijangkiti HIV/Aids setiap hari, lebih 32 peratus membabitkan lelaki dan wanita berusia antara 20 dan 39 tahun. Sementara itu pada peringkat global, lebih 40 juta penghidap HIV/Aids dan separuh daripada jumlah itu membabitkan individu berusia bawah 25 tahun.

“Komited kami untuk menghapuskan stigma dan diskriminasi, di samping

gan HIV'

kat setempat



FATHIL ASRI | BERITA HARIAN

memperkasakan golongan muda untuk melindungi diri mereka daripada HIV/Aids kerana mereka paling ramai terbahit. Gabungan dua entiti besar iaitu The Body Shop dan jaringan televisyen terbesar MTV ini, kami harap mampu mempromosi kempen berkenaan menerusi televisyen, laman web, perkhidmatan jalur lebar dan sebagainya yang memiliki lebih 1.3 bilion," katanya pada sidang akhbar pelancaran kempen Stop HIV: Spray To Change Attitudes, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Turut hadir, penyampai MTV, Colby Miller yang bakal membantu kempen berkenaan menerusi program yang dihoskannya itu.

Mina berkata, menerusi kempen berkenaan orang ramai boleh memiliki edisi terhad haruman 'rougeberry'

BILANGAN JANGKITAN BARU HIV/AIDS DARIPADA 1986 HINGGA JUN 2006

Tahun	JANGKITAN HIV			KES AIDS			KEMATIAN AKIBAT AIDS		
	Lelaki	Wanita	Jumlah	Lelaki	Wanita	Jumlah	Lelaki	Wanita	Jumlah
1986	32	0	3	1	0	1	1	0	1
1987	7	0	2	0	0	0	0	0	0
1988	197	2	9	2	0	2	2	0	2
1989	769	3	200	2	0	2	1	0	1
1990	1741	9	778	18	0	18	10	0	10
1991	2443	53	1794	58	2	60	10	9	19
1992	2441	69	2512	70	3	73	44	2	46
1993	3289	66	2507	64	7	71	50	5	55
1994	4037	104	3393	98	7	105	74	6	80
1995	4406	161	4198	218	15	233	150	15	165
1996	3727	191	4597	327	20	347	259	12	271
1997	4327	197	3924	538	30	568	449	24	473
1998	4312	297	4624	818	57	875	655	34	689
1999	4626	380	4692	1114	86	1200	824	50	874
2000	5472	481	5107	1071	97	1168	825	57	882
2001	6349	466	5938	1188	114	1302	900	75	975
2002	6083	629	6978	1068	125	1193	823	64	887
2003	5731	673	6756	939	137	1076	633	67	700
2004	5383	696	6427	1002	146	1148	951	114	1,065
2005	2481	737	6120	1,044	177	1221	882	102	984
June 2006	67	387	2868	669	81	750	447	47	524
Jumlah	67,826	5,601	73,427	10,309	1,104	11,413	8,020	683	8,703

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia
Disedialkan oleh: Pusat Sumber, Majlis AIDS Malaysia

yang boleh didapati di The Body Shop yang mana hasil jualan itu akan disalurkan ke sebuah yayasan, khusus membantu menangani HIV/Aids seluruh dunia

Katanya, bantuan itu bukan setakat berbentuk kewangan, tetapi pembiayaan dalam menyampaikan maklumat mengenai pengurusan pembersihan kepada pelajar atau individu lain yang terbahit secara langsung atau tidak dalam pekerjaan yang mendedahkan mereka kepada HIV/Aids umpamanya pekerja hotel.

"Saya juga ada menemui seorang kanak-kanak yang dijangkiti HIV/Aids daripada ibunya dan virus itu berpunca daripada bapanya. Kanak-kanak yang saya temui ini sudah pun berusia 17 tahun dan dia memanfaatkan usia yang ada dengan perkara berfaedah. Bayangkan kalau kita pulaukan anak ini, apa yang akan terjadi kerana penyakit ini bukan dia yang pinta sebaliknya daripada orang tua mereka," katanya.

Sementara itu, Miller berkata, beliau yakin menerusi program yang interaktif dapat membantunya menyampaikan maklumat berhubung menangani HIV/Aids kepada kumpulan sasaran apatah lagi saluran itu menjurus kepada golongan muda.

"Saya berharap apabila nasihat atau maklumat disampaikan oleh pihak yang rapat dengan mereka, ia lebih mudah difahami seterusnya diterima," katanya.

FAKTA

HIV

- Separuh daripada kes baru jangkitan HIV adalah di kalangan golongan muda berusia bawah 25 tahun. Kempen berkenaan mempunyai inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan membiayai aktiviti menangani HIV dikalangan kumpulan sasaran.
- Tema 'Spray To Change' adalah kerjasama antara The Body Shop dan MTV dengan menghasilkan unit terhad semburan haruman Rougeberry berharga RM43. Hasil jualan akan disalurkan kepada 'Staying Alive Foundation' untuk dimanfaatkan 41 badan bukan kerajaan (NGO) yang terbahit secara langsung dan tidak langsung berhubung HIV/Aids.
- Antara dirancang dalam kempen berkenaan ialah bengkel penerangan yang akan diadakan di institusi pengajian tinggi berhubung HIV/Aids dan langkah pencegahan serta program siaran di MTV.